

12/05/2003

MIC minta kerajaan tambah wakil India

Ridzuan Yop; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: MIC meminta kerajaan menimbangkan penambahan wakil berketurunan India di peringkat daerah, negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi mengimbangi pembangunan infrastruktur mengikut keperluan masyarakat setempat sejajar dengan agenda pembangunan Majlis Sosial Kebangsaan.

Resolusi yang dibentangkan sempena Perhimpunan Agung MIC Ke-57 itu antara lain menggesa kerajaan memastikan supaya semua dasar yang digubal kerajaan Persekutuan dipastikan dilaksana pada peringkat akar umbi untuk manfaat masyarakat setempat.

Selain itu, 15 lagi resolusi lain dibentangkan pada hari kedua perhimpunan agung parti semalam oleh Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam, termasuk dua resolusi masing-masing menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagi memastikan pelaksanaan dasar kerajaan tidak terbantut, satu resolusi meminta peruntukan tambahan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk calon berketurunan India turut dicadangkan berikutan penambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 DUN berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Resolusi itu turut menekankan bahawa kini tidak ramai wakil rakyat berketurunan India berkhidmat dalam kerajaan dan agak sukar bagi melaksanakan program pembangunan sosial untuk kumpulan sasar, khususnya remaja India.

Satu lagi resolusi menyentuh mengenai masalah sosial masyarakat India yang berkait rapat dengan kurangnya program untuk masyarakat India ialah pembanterasan masalah sosial di mana kerajaan sudah memperuntukkan RM20 juta bagi tujuan itu, termasuk RM5.4 juta yang sudah dibelanjakan.

MIC juga mengalu-alukan pengenalan khidmat negara (national service) dan turut meluluskan resolusi menyokongnya tetapi meminta kerajaan bersikap sensitif terhadap budaya dan agama pelbagai kaum dengan menyediakan keperluan semua lapisan masyarakat.

Pada masa yang sama, MIC juga meluluskan resolusi meminta kerajaan meningkatkan pengambilan pelajar berketurunan India di 17 Institut Latihan Industri dan 14 Institut Latihan Kemahiran Belia Kebangsaan di seluruh negara.

Resolusi seterusnya adalah mengenai pemberian pinjaman kecil dan latihan untuk usahawan, terutama di bawah Skim Jaminan Usahawan Kecil yang kurang dimanfaatkan oleh peniaga berketurunan India selain meminta Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan dana pinjaman mirip kepada Program Tekun.

Tindakan itu disifatkan sebagai langkah terbaik memastikan penguasaan ekuiti kaum India dapat ditingkatkan daripada 1.5 peratus kepada tiga peratus mengikut perancangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), yang turut menjadi salah satu resolusi perhimpunan agung kali ini.

Bagi mencapai perangkaan itu, resolusi seterusnya mencadangkan supaya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menyediakan lebih banyak skim mikro kredit kepada masyarakat India di luar bandar kerana pinjaman RM1.13 juta yang diberi kepada 535 usahawan kecil berketurunan India ternyata amat bermanfaat.